



DASAR PRIVASI KOLEJ UNIVERSITI IJN

DASAR PRIVASI

Kolej Universiti IJN (kemudian dari ini dirujuk sebagai “KUIJN” atau “kami”) komited untuk melindungi privasi, kerahsiaan dan keselamatan semua data peribadi dan maklumat kesihatan yang diamanahkan kepada kami.

Dasar privasi ini menggariskan dasar KUIJN tentang cara kami mengurus data peribadi yang kami simpan tentang pelajar kami dan orang lain. Dasar ini terpakai untuk semua operasi dalam KUIJN, termasuk pengunjung laman web kami.

Kami sentiasa mengamalkan dasar yang memastikan maklumat rekod pelajar dilindungi seperti yang dinyatakan dalam Buku Panduan Pelajar kami. Malah, kami komited untuk memastikan privasi, kerahsiaan dan keselamatan semua data peribadi dilindungi selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“ADPD”). Bagi tujuan dasar privasi ini, istilah “data peribadi” dan “pemprosesan” mempunyai maksud yang sama seperti yang ditetapkan di dalam ADPD.

Dengan menggunakan laman web ini atau menyerahkan data peribadi anda kepada KUIJN, anda bersetuju dengan pemprosesan data anda seperti yang dinyatakan dalam polisi ini. Sila baca penerangan berikut dengan teliti sebelum memberikan maklumat atau menggunakan laman ini.

MAKLUMAT YANG KAMI PROSES

Kami memproses data peribadi yang anda berikan secara sukarela menerusi laman web kami dan apabila anda mendaftar di fasiliti kami. Maklumat ini termasuk data peribadi seperti nama, alamat, tarikh lahir, jantina, umur, maklumat perhubungan, bangsa, agama, pekerjaan, butiran tentang waris terdekat anda, dan jenis program yang ingin didaftar untuk meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi selepas pengajian di sekolah menengah. Dalam hal ini, anda bersetuju dengan nyatanya untuk membenarkan kami memproses data peribadi sensitif anda.

Kami juga memproses data peribadi yang diberikan oleh dan diperolehi daripada individu yang sedang mencari program-program pengajian di peringkat Ijazah Sarjana, Ijazah, Sijil Siswazah, Diploma Lanjutan, Diploma, dan Sijil.

Jika anda memberi kami data atau maklumat peribadi tentang orang lain, anda mesti mengesahkan terlebih dahulu bahawa orang itu telah melantik anda untuk bertindak bagi pihaknya, bersetuju untuk membenarkan data peribadinya diproses dan bersetuju untuk membenarkan anda menerima apa-apa notis perlindungan data bagi pihaknya. Kami mungkin meminta bantuan anda untuk mendapatkan persetujuan orang tersebut yang data peribadinya anda berikan kepada kami dan anda bersetuju untuk berbuat demikian. Anda hendaklah membayar ganti rugi kepada kami jika mengalami apa-apa kehilangan atau kerugian akibat kegagalan anda mematuhi.

TUJUAN KAMI MEMPROSES DATA PERIBADI ANDA

Tujuan data peribadi diproses adalah seperti berikut:

- Untuk menyediakan atau melaksanakan pengurusan rekod pelajar;
- Untuk memantau dan menilai rekod pelajar;
- Untuk merancang penambahbaikan dan pelaksanaan pengurusan rekod dan perkhidmatan;

- Untuk menilai sama ada anda sesuai melanjutkan pelajaran anda dengan kami;
- Untuk melaksanakan kontrak pengajian;
- Untuk menjalankan penyelidikan dan/atau ujian klinikal;
- Untuk menggalakkan dan menyokong penyelidikan dan pendidikan;
- Untuk menghubungi anda dan menjawab semua pertanyaan anda;
- Untuk memenuhi keperluan undang-undang dan kawal selia;
- Mengurus permohonan pelajar contohnya berurusan dengan syarikat insurans atau pemberi pinjaman;
- Menjalankan kaji selidik dan/atau menyusun statistik dan analisis yang berkaitan;
- Menggunakan rekod yang sedia ada untuk dilaporkan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi bagi tujuan audit, pelaksanaan bantuan yang disediakan untuk pelajar sepanjang tempoh pengajian, perlaporan untuk tujuan kemaskini data dalam sistem E-ipts, sistem Star EMGS dan sistem Agensi Kelayakan Malaysia dan penyediaan sijil-sijil yang perlu untuk dianugerahkan kepada pelajar sepanjang tempoh pengajian sehingga tamat.
- Untuk menyiasat dakwaan serta aduan; dan apa-apa tujuan lain yang mungkin dikaitkan dengan tujuan yang disebutkan di atas.

Sila ambil perhatian bahawa KUIJN perlu memproses data peribadi anda. Tanpa data tersebut, kami tidak akan dapat memprosesnya bagi mana-mana tujuan di atas.

SUMBER PENGUMPULAN DATA ANDA

- Laman web/e-mel
- Pendaftaran (Salinan cetak/Salinan lembut)
- Dokumen lain yang anda lampirkan
- Penyelidikan
- Apa-apa komunikasi lisan/bertulis yang lain antara pihak kami dengan anda

PIHAK YANG MUNGKIN MENERIMA DATA PERIBADI BERKENAAN DATA PELAJAR

Biasanya kami akan menghantar data pelajar ke dalam sistem E-ipts untuk pemberitahuan kepada pihak Jabatan Pengajian Tinggi berkenaan dengan jumlah pelajar aktif, tidak aktif, berhenti, dibuang kolej atas sebab-sebab tertentu dan sebagainya.

Jika maklumat peribadi telah bertukar atau maklumatnya telah berubah selepas kemasukan anda yang terdahulu, sila maklumkan kepada kami.

Data peribadi anda diproses adalah bertujuan untuk membantu melatih kakitangan kami, membuat rancangan masa depan dan menilai perkhidmatan kami. Setakat mana mungkin, data peribadi yang boleh membuatkan anda dikenali akan dipadamkan sebelum ia diproses untuk tujuan pengajaran atau penilaian perkhidmatan kami.

Kami mungkin mendedahkan data peribadi anda jika kami dikehendaki berbuat demikian oleh undang-undang atau pihak berkuasa yang berkaitan.

Data peribadi anda boleh didedahkan kepada pihak-pihak seperti tetapi tidak terhad pada Yayasan IJN, bank, juruaudit, jabatan dan/atau agensi kerajaan, badan kawal selia dan/atau berkanun, syarikat semakan kredit, syarikat-syarikat berkaitan, rakan kongsi perniagaan, penyedia perkhidmatan, mahkamah dan tribunal, waris terdekat, organisasi penyelidikan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan lain-lain serta mana-mana pihak ketiga seumpunya yang anda minta atau beri kebenaran bagi mana-mana tujuan di atas atau apa-apa tujuan lain yang untuknya data peribadi dan akan didedahkan pada masa pengumpulannya atau apa-apa tujuan lain berkait secara langsung dengan mana-mana tujuan di atas.

Mana-mana individu atau syarikat yang mempunyai kewajipan kerahsiaan terhadap KUIJN dan telah mengaku janji untuk terus merahsiakan data peribadi tersebut. Ini termasuk syarikat-syarikat berkaitan, rakan kongsi perniagaan dan penyedia perkhidmatan kami yang berkaitan serta mana-mana pihak ketiga tersebut yang diminta atau diberikan kebenaran oleh anda bagi mana-mana tujuan di atas.

Data peribadi anda mungkin dipindahkan ke tempat di luar Malaysia. Apabila data peribadi dipindahkan ke luar Malaysia, KUIJN akan memastikan bahawa perlindungan yang sewajarnya disediakan, seperti kewajipan kontrak, penyulitan, dan pematuhan terhadap undang-undang perlindungan data yang berkenaan, bagi mengekalkan kerahsiaan dan keselamatan maklumat anda.

Mana-mana individu atau syarikat yang mengakses bagi pihak KUIJN atau bersama KUIJN untuk tujuan berkaitan boleh mengakses secara langsung dengan data yang diberikan.

CARA KAMI MELINDUNGI DATA PERIBADI ANDA

Semua usaha yang munasabah dan langkah yang praktikal dilakukan atau diambil bagi memastikan data peribadi yang kami pegang, simpan dan dilindungi daripada pencurian, akses yang tidak dibenarkan, pendedahan, penyalinan, penggunaan atau pengubahsuaian. Kami mengamalkan dasar yang tegas berkenaan pihak yang dibenarkan mengakses data peribadi anda. Semua kakitangan terikat dengan tatakelakuan yang ketat dan obligasi undang-undang berhubung dengan pengekal kerahsiaan data peribadi anda.

Langkah Keselamatan Tambahan:

Kami melaksanakan langkah teknikal dan organisasi termasuk penyulitan data, kawalan akses berasaskan peranan, dan audit keselamatan berkala untuk melindungi data peribadi daripada akses, perubahan, atau pendedahan tanpa kebenaran. Sistem kami dipantau untuk mengesan dan mencegah sebarang pelanggaran keselamatan yang berpotensi.

TEMPOH PENYIMPANAN DATA PERIBADI ANDA

Kami menyimpan data peribadi hanya selama yang diperlukan untuk tujuan yang dinyatakan atau seperti yang ditetapkan oleh undang-undang.

CARA KAMI MEMASTIKAN DATA PERIBADI ADALAH TEPAT DAN TERKINI

Kami akan mengambil langkah yang munasabah bagi memastikan data peribadi yang kami pegang adalah tepat dan sentiasa dikemaskinikan. Kami sedar bahawa data peribadi sentiasa berubah dengan pertukaran alamat dan keadaan peribadi lain. Sila maklumkan kepada kami jika terdapat sebarang perubahan pada data peribadi anda.

CARA ANDA MENGAKSES DATA PERIBADI ANDA

Permohonan untuk mengakses data peribadi anda mesti dibuat secara bertulis kepada:

Pegawai Perlindungan Data Peribadi
Kolej Universiti IJN
Tingkat 10-13 Bangunan Yayasan Selangor
Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Kampung Baru
50300 Kuala Lumpur.
Alamat e-mel: safarina@ijn.edu.my

Fi dikenakan bagi perkhidmatan ini. Jika terdapat data peribadi dalam rekod kami yang anda rasakan tidak betul, atau anda tidak bersetuju dengannya, anda berhak meminta supaya ia dibetulkan.

HAK ANDA DI BAWAH PDPA

Selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010, anda mempunyai hak untuk:

- Mengakses dan mendapatkan salinan data peribadi anda yang disimpan oleh kami;
- Memohon pembetulan data yang tidak tepat atau tidak lengkap;
- Menarik balik persetujuan anda terhadap pemprosesan data peribadi anda, tertakluk kepada sekatan undang-undang atau kontrak.
- Memohon penghapusan data peribadi anda jika dibenarkan oleh undang-undang.

Untuk melaksanakan hak-hak ini, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data Peribadi kami menggunakan butiran yang disediakan di atas.

PAUTAN KE LAMAN WEB LAIN

Laman web kami mungkin mengandungi pautan ke laman web lain yang mungkin menarik minat anda. Walau bagaimanapun, jika anda menggunakan pautan ini untuk meninggalkan laman web kami, anda hendaklah mengambil perhatian bahawa kami tidak mempunyai apa-apa kawalan terhadap laman web lain. Oleh itu, kami tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap perlindungan dan apa-apa privasi maklumat yang anda berikan semasa melayari laman web tersebut yang tidak tertakluk di bawah pernyataan privasi ini. Anda hendaklah berhati-hati dan membaca pernyataan privasi untuk laman web berkenaan.

PERTANYAAN DAN ADUAN

Anda boleh membuat pertanyaan lanjut mengenai dasar privasi ini secara bertulis kepada:

Pegawai Perlindungan Data Peribadi
Kolej Universiti IJN
Tingkat 10-13 Bangunan Yayasan Selangor
Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Kampung Baru
50300 Kuala Lumpur.
Alamat e-mel: safarina@ijn.edu.my

PERUBAHAN PADA DASAR PRIVASI KAMI

Dasar privasi KUIJN akan dikaji semula dari semasa bagi mengambil kira undang-undang dan teknologi baru serta perubahan pada operasi dan amalan kami, dan memastikan ia sentiasa bersesuaian dengan persekitaran yang berubah-ubah. Jika kami membuat apa-apa perubahan pada dasar privasi kami, kami akan memaklumpkannya di laman web kami.

BAHASA

Jika terdapat apa-apa perbezaan maksud berkenaan dasar privasi ini antara versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Melayu, maka versi Bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai.